

ABSTRAK

Statistik melaporkan penglibatan remaja dalam tingkah laku delinkuensi semakin meningkat pada masa kini. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini, bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar bawah umur di Sekolah Tunas Bakti terlibat dengan salah laku jenayah di Malaysia. Selain itu, pengkaji menjalankan kajian ini juga untuk mengetahui perubahan pesalah bawah umur hasil pemulihan mereka di Sekolah Tunas Bakti tersebut. Oleh itu, tujuan yang akan diterangkan dalam kajian ini menjadi fokus utama bagi pengkaji. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Analisis kajian ini menggunakan kaedah analisis data secara deskriptif iaitu dengan membuat gambaran data-data yang terkumpul tanpa membuat generalisasi dari hasil penelitian. Data dikumpulkan melalui temubual mendalam dengan responden kajian. Seramai 10 orang responden telah dipilih berdasarkan persampelan bertujuan bagi membantu pengkaji menjalankan kajian ini. Responden adalah di kalangan pesalah bawah umur yang berada di Sekolah Tunas Bakti, Kota Samarahan. Kesimpulannya, perbincangan terperinci mengenai kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini akan dilanjutkan dalam artikel ini.